



DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Saya sedia didakwa — Dr. Mahathir

Um - 12/6/2004: 1 & 4

PUTRAJAYA 11 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sedia didakwa jika amalan seorang Perdana Menteri menghendahkan cenderamata kepada ketua kerajaan negara lain seperti kayu yang diberikan kepada Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, dianggap salah di sisi undang-undang.

Bekas Perdana Menteri berkata, kayu itu dihadiahkan atas kapasiti rasmi daripada seorang pemimpin negara kepada pemimpin ne-

gara yang lain dan ia merupakan amalan biasa yang dilakukan oleh semua ketua negara.

## Buruh

“Kita bukan sahaja beri kepada Presiden Zimbabwe tapi kita beri juga macam-macam kepada Presiden atau Perdana Menteri lain (kerana) memberi hadiah ini adalah satu amalan bagi pemimpin negara dan kita tidak soal kepada Presiden itu apa dia nak buat.

“Kita juga pernah berikan kayu

kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO dan banyak lagi badan-badan lain, seperti juga Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang kita berikan perabot; ini sebagai satu cara untuk memperkenalkan kayu keluaran Malaysia.

“Kalau ini dianggap salah maka saya sedialah untuk didakwa, itu tidak menjadi masalah kepada saya kerana saya jalankan tugas secara ikhlas dan saya amalkan amalan yang biasa dibuat oleh pe-

mimpin negara, mana-mana negara pun,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan ahli-ahli politik pembangkang di Dewan Rakyat baru-baru ini yang mempertikaikan pemberian kerajaan kepada Presiden Zimbabwe itu.

■ Lihat muka 4

Dr. Mahathir dikaitkan dalam isu tersebut selepas Mugabe dalam satu temuramah dengan *Sky News* dari Britain pada bulan lalu menyatakan menerima kayu daripada Malaysia semasa pentadbirannya (Dr. Mahathir) untuk membina banglo peribadi yang bernilai lima juta pound (RM34 juta).

Mugabe turut mendakwa Malaysia dan China membiayai sebahagian pembinaan banglo mewah 25 bilik itu, yang menyebabkan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, mendesak kerajaan membuat penjelasan rasmi mengenai dakwaan tersebut.

Dr. Mahathir berkata, laporan beberapa akhbar bahawa Mugabe menerima balak daripada Malaysia adalah tidak benar kerana apa yang berikan hanyalah kayu siap dipotong untuk dijadikan kemasan dalaman seperti dinding dan panel kayu sahaja.

“Ia bukannya kayu balak atau batang balak tetapi kayu yang siap dipotong (dan) bukannya banyak sangat, hendak buat dinding, panel sahaja.

“Dia (Mugabe) tidak minta, cuma kita dengar seorang presiden hendak buat bangunan, kita berilah (malah) orang lain pun beri juga, kerajaan China beri bumbung, macam amalan biasa, tetapi bukan balak, ini masuk dalam akhbar kata balak, ada yang kata konsesi balak pun,” ujarnya kesal.

Ditanya berapakah nilai pemberian kayu itu, Dr. Mahathir

berkata, ia tidak pun mencecah RM100,000.

Dr Mahathir menambah, kerajaan Malaysia tidak menyoal bagaimanakah hadiah yang diberikan kepada pemimpin negara lain akan digunakan.

Beliau berkata: “Kita bagi macam-macam kepada Presiden dan Perdana Menteri lain termasuk yang sekarang ini dianggap sebagai diktator, korup dan sebagainya. Kita tak soallah apakah dia ini baik atau tak baik, lima tahun lagi dia nak jadi korup atau pun tidak.

“Kita tidaklah menghantar orang untuk menyelidik sama ada dalam lima tahun, atau 10 tahun lagi, orang ini akan jadi orang jahat, kita tak boleh nak ramal apa yang dia nak buat.

“Kalau dia buat benda yang tak baik, bukan bermakna keputusan kita untuk memberi hadiah itu salah. Namun demikian kalau dianggap salah, saya bertanggungjawablah terhadap kesalahan penyalahgunaan kuasa,” katanya.

Mengenai laporan pembinaan kediaman Mugabe yang didakwa mencecah RM34 juta, beliau menyifatkannya sebagai propaganda British yang benci kepada Mugabe kerana mengambil tanah milik orang kulit putih.

Menjawab satu pertanyaan, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau telah menjangkakan usaha pihak tertentu untuk memburuk-burukkan nama baiknya.